

16/10/2001

Syed Hamid perjelas laporan

PUTRAJAYA, Isnin - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) belum meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai usaha badan itu menangani isu keganasan antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata laporan akhbar hari ini yang menyatakan OIC sudah memilih Perdana Menteri bagi tujuan itu adalah tidak tepat.

"Apa yang saya sebut ialah jika Dr Mahathir diminta untuk mengetuai usaha itu, saya tidak hairan kerana kedudukan serta pandangan Perdana Menteri, bukan beliau sudah diminta untuk mengambil peranan itu.

"Itu ayat saya dan saya menambah bahawa ini juga kerana Dr Mahathir tidak emosional dan kita (Malaysia) sentiasa mengambil pandangan yang sangat seimbang terhadap keseluruhan isu ini," katanya selepas menerima kunjungan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Robert Zoellick di pejabatnya di Wisma Putra, di sini hari ini.

Laporan akhbar hari ini memetik Syed Hamid dalam temu ramah eksklusif dengan TV3 semalam sebagai berkata, keputusan OIC memilih Dr Mahathir mengetuai usaha badan itu menangani isu keganasan antarabangsa disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi, Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud, ketika mengunjungi Dr Mahathir di Putrajaya kelmarin.

Syed Hamid hari ini berkata, sebenarnya yang mengunjungi Perdana Menteri itu ialah Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Pelancongan Arab Saudi, Putera Sultan bin Salman bin Abdul Aziz, bukan seperti yang dilaporkan.

(END)